0301

U 8124 AA8

MAHATHIR - EEC @'@'@

SUBANG, 8 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BERPUAS HATI DENGAN LAWATANNYA KE NEGARA-NEGARA EROPAH, AMERIKA SYARIKAT DAN BRITAIN KERANA IA TELAH MEMBERI KEYAKINAN BARU KEPADA PARA PELABUR ASING UNTUK MENAMBAH PELABURAN DI MALAYSIA.

SEMASA BERCAKAP PADA PERSIDANGAN AKHBAR SEBAIK SAHAJA TIBA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG DI SINI, BELIAU BERKATA PARA PELABUR YANG DUA TAHUN DULU RAGU-RAGU UNTUK MELABUR DI MALAYSIA KINI TELAH MEMBERI PERHATIAN SERIUS KEPADA NEGARA INI BERIKUTAN PERKEMBANGAN-PERKEMBANGAN TERBARU MENGENAI PELABURAN YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN.

+PADA PENDAPAT SAYA, MAKLUM BALAS PARA PELABUR DARIPADA LAWATAN SAYA ITU BERTAMBAH BAIK, MALAH MEREKA MENGAKUI RAMALAN-RAMALAN YANG DIBUAT OLEH PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG SUATU MASA DULU MENGGELARKAN DIRI MEREKA PAKAR MENGENAI EKONOMI MALAYSIA SEMUANYA SILAP,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU JUGA TELAH DIBERI JAMINAN OLEH KESATUAN EKONOMI EROPAH (EEC) BAHAWA IA AKAN TERUS MENERIMA BARANGAN DAN MENGADAKAN PERNIAGAAN DENGAN NEGARA-NEGARA BUKAN ANGGOTA KESATUAN SELEPAS TAHUN 1992.

KATANYA, WALAUPUN TERDAPAT PERBEZAAN PENDAPAT ANTARA NEGARA-NEGARA JERMAN, BELGIUM DAN BRITAIN MENGENAI SIKAP MEREKA TERHADAP BARANGAN DARI NEGARA-NEGARA LUAR EEC SELEPAS 1992, TETAPI SECARA KESELURUHANNYA MEREKA BERSETUJU UNTUK MENGADAKAN PERNIAGAAN DENGAN NEGARA-NEGARA TERSEBUT. -- LAGI

1906MST 08 10 88

MAHATHIR - EEC 2 SUBANG @'@'@

+INI SATU PETANDA YANG MENGGALAKKAN BAGI MALAYSIA KERANA IA SELARAS DENGAN USAHA KITA UNTUK MEMPERTINGKATKAN EKSPORT KE NEAGRA-NEGARA EROPAH.+

MENGENAI PEMBELIAN SENJATA DARI BRITAIN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PEMBAYARANNYA YANG AKAN DIBUAT SECARA TIMBAL BALAS ITU AKAN MENINGKATKAN PENJUALAN MINYAK DAN MINYAK SAWIT NEGARA INI.

BELIAU MENOLAK DAKWAAN KONONNYA PEMBANGUNAN RAKYAT AKAN TERJEJAS AKIBAT PEMBELIAN PERALATAN SENJATA ITU, DAN MENAMBAH KATA, PERKARA ITU TIDAK SEPATUTNYA TIMBUL KERANA IA AKAN MEMBOLEHKAN MALAYSIA MENJUAL LEBIH BANYAK HASIL KELUARAN NEGARA.

+MACAM MANA DIKATAKAN PEMBELIAN ITU AKAN MENJEJASKAN PEMBANGUNAN RAKYAT KERANA JIKA TIDAK, BARANGAN NEGARA MUNGKIN TIDAK DIBELI OLEH NEGARA ASING SEKIRANYA TIADA PERATURAN SEUMPAMA ITU,+ TAMBAH BELIAU.

MENURUT BELIAU, PERDANA MENTERI JEPUN NOBORU TAKESHITA TELAH MENYATAKAN PIHAKNYA BENAR-BENAR MEMAHAMI MASALAH YANG DIHADAPI OLEH MALAYSIA BERHUBUNG DENGAN PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN YEN. -- LAGI

1911MST 08 10 88

U 8129 AA8

MAHATHIR - EEC 3 SUBANG @'@'@

+WALAUPUN TIDAK ADA SESUATU YANG BOLEH DIBUATNYA PADA MASA SEKARANG, BELIAU TELAH MEMBAYANGKAN BAHAWA KADAR PINJAMAN YEN PADA MASA AKAN DATANG UNTUK MALAYSIA AKAN DIBERI PADA KADAR KONSESI,+ KATA PERDANA MENTERI.

SEMENTARA ITU, KETIKA DITANYA MENGENAI DAKWAAN SESETENGAH PIHAK KONONNYA PRESIDEN MCA DATUK DR LING LIONG SIK MENGAMBIL CUTI KERANA KEGAGALAN BARISAN NASIONAL MENEPATI JANJI YANG TELAH DIBUAT, BELIAU BERKATA: +PERSOALAN TIDAK MEMENUHI JANJI TIDAK SEPATUTNYA TIMBUL...YANG DIPERLUKAN HANYA MASA, KITA AKAN MELIHAT MASALAH ITU+.

KATANYA, BELIAU TIDAK NAMPAK APA-APA KEGANJILAN PADA TINDAKAN DATUK DR LING MENGAMBIL CUTI SELAMA ENAM MINGGU ITU KERANA, MENURUT PERDANA MENTERI, SEBAGAI MANUSIA BIASA, MENTERI PENGANGKUTAN ITU JUGA PERLU BEREHAT. -- BERNAMA

1915MST 08 10 88